

## Unsur-Unsur Pemikiran Takfir dalam Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah

Razali Musa  
Syed Hadzrullatfi Syed Omar  
Engku Ibrahim Engku Wok Zin

### Abstrak

Artikel ini menjelaskan unsur-unsur pemikiran takfir yang menjadi pegangan Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah. Ia berdasarkan kepada kajian terhadap penulisan yang berkaitan dengan kumpulan tersebut. Kajian ini bertujuan melihat elemen-elemen penting pemikiran takfir yang terdapat dalam anutan mereka. Kemunculan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan penyiksaan yang dilakukan oleh pihak kerajaan Mesir dalam penjara kepada golongan Islam pada awal tahun 60an. Kumpulan ini melabelkan umat Islam yang melakukan dosa besar sebagai kafir, termasuklah kerajaan yang tidak melaksanakan undang-undang Islam. Sementara masyarakat Islam juga dianggap kafir, kerana tidak bersama mereka untuk mendaulatkan negara Islam. Mereka juga menolak pendapat ulama dan menafsirkan nas-nas al-Quran dan Sunnah berdasarkan pandangan mereka.

Kata kunci: kafir; kufur; aqidah; iman; takfir.

### Abstract

*Infidel (takfir) elements introduced by Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah are explained in this article based on a study of their writings and points of view regarding this issue. Their existence is closely linked to torture by the Egyptian government against Islamic groups in prisons in the early 60's. The ideology of this group brands other Muslims who admit to committing making great sins as infidels, including Muslim governments that do not implement Islamic law. Muslim community is also considered as infidel for not struggling to uphold an Islamic State. They also reject the opinion of Islamic scholars and interpret the verses of al-Quran and Sunnah based on their own views.*

*Keywords: infidels; aqidah; iman; kufur; takfir.*

---

### Pendahuluan

Pemikiran *takfir* merupakan antara elemen pemikiran yang menyimpang daripada garis kesederhanaan Islam. Pemikiran tersebut didokong oleh satu kumpulan yang bertanggungjawab bahawa masyarakat Islam telah bertukar menjadi kufur kerana tidak menganut fahaman Islam sebagaimana yang difahami oleh mereka. Artikel ini akan membincangkan ciri-ciri khusus pemikiran takfir yang menjadi pegangan *Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah* berdasarkan

kefahaman mereka terhadap nas. Meneliti kajian literatur, kebanyakan kajian menumpu terhadap faktor-faktor yang boleh menjerumuskan orang Islam kepada kekufuran dan pendekatan ulama Islam dalam isu takfir (Persatuan Kadi-Kadi Negeri Kelantan 1981; Lutpi Ibrahim 1982). Dalam hal ini, kupasan persoalan ini adalah berdasarkan kepada kajian terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan kumpulan tersebut, seperti artikel jurnal, kertas-kertas kerja, buku dan lain-lain lagi. Kewujudan pemikiran tersebut telah menyebabkan bertakunya keganasan dan pembunuhan sesama Islam yang memberi implikasi buruk kepada penerusan dakwah Islam yang sebenar dalam masyarakat moden hari ini. Kemunculan golongan ini dalam masyarakat Islam bukan sahaja berlaku pada zaman sahabat Nabi s.a.w., seperti yang dicetuskan oleh kumpulan Khawarij pada abad pertama Hijrah, bahkan kemunculan pemikiran tersebut masih berulang kewujudannya pada abad ini di bumi Mesir pada tahun-tahun 60an yang didokong oleh Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah.

### **Kemunculan Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah**

Unsur-unsur pemikiran Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah mempunyai banyak persamaan dengan golongan Khawarij. Walaupun punca kemunculan mereka berbeza, namun pemikirannya mempunyai persamaan dalam mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dan sependapat dengan mereka. Mereka menamakan diri mereka dengan *Jamaah al-Muslimin*, berdasarkan dakwaan mereka adalah satu-satunya jemaah yang mewakili umat Islam. Kumpulan Islam yang lain adalah kumpulan yang sesat (Muhamad `Abd al-Hakim 2006, 207). Media massa dan pihak berkuasa pula menggelarkan mereka dengan nama Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah. Gelaran itu diberi bersumberkan dua konsep perjuangan mereka iaitu al-Takfir dan al-Hijrah. Al-Takfir bererti mengkafirkan masyarakat umum dan menganggap mereka sebagai masyarakat jahiliah dan al-Hijrah bermaksud berhijrah daripada masyarakat yang dianggap jahiliah ke gua-gua dan bukit bukau bagi menegakkan masyarakat Islam, bersempena dengan hijrah Nabi Muhammad s.a.w. dari kota Mekah ke Madinah. Di Madinah baginda s.a.w. membina masyarakat Islam, memperkuatkan tentera dan kembali semula menawan kota Mekah beberapa tahun selepas itu (Rubin 1990, 56).

Meneliti dari aspek sejarah, kemunculan golongan Khawarij adalah hasil daripada kekecewaan terhadap tindakan `Ali Ibn Abi Talib r.a. yang menerima perdamaian dengan Mu`awiyah Ibn Abi Sufiyan r.a. dalam peperangan Siffin. Mereka berkeras memaksa `Ali r.a. supaya meneruskan peperangan setelah perjanjian telah dimeterai. Ekoran daripada kekecewaan dan perasaan tidak puas hati tersebut lahir pemikiran takfir yang menjadi tajuk perbincangan sepanjang sejarah Islam.

Punca utama berkembangnya pemikiran takfir yang membentuk Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah ialah penyiksaan yang tidak berperikemanusiaan oleh pihak berkuasa kerajaan Mesir terhadap kumpulan Islam yang menentang dan bercanggah pendapat dengan pemerintah dalam penjara Qanatir Khayriyyah, penjara Harbi dan Abu Za`bal sekitar tahun 1965 sehingga 1967 (al-Bahansawi 1994, 272). Pada masa yang sama, kumpulan yang berfahaman komunis dipenjarakan bersama mereka mendapat layanan yang lebih baik. Justeru itu, mereka mula mempersoalkan, "Adakah negara Mesir negara Islam? Adakah pemerintah yang melakukan kekejaman dan penyiksaan kepada mereka seorang Islam?" Tambahan pula, pegangan agama dalam institusi-institusi kerajaan longgar di samping berleluasa pemikiran liberal yang tidak terikat dengan norma-norma agama, seperti pemikiran yang dibawa oleh Salamah Musa (1887 – 1958), seorang tokoh Kristian Koptik Mesir yang menyeru supaya mengikut tanpa syarat cara kehidupan orang-orang Barat. Beliau menolak ajaran agama dan menyeru penggunaan dialek Mesir secara meluas. Malahan pihak penjajah British telah memberi kebebasan kepada beliau untuk menyebarkan pemikiran tersebut (al-Qaradawi 1985, 50).

Oleh kerana itu, sebahagian golongan Islam yang berada dalam penjara menilai pemerintahan dan masyarakat moden melalui penulisan-penulisan Sayyid Qutub, khususnya

buku *Ma`alim fi al-Tariq* (Cable 1988: 81), mereka menganggap pemerintah dan masyarakat telah murtad dan bertukar kepada masyarakat jahiliah. Mereka mempertikai peranan pemerintah yang dianggap bersekongkol dengan penjajah Barat bagi menghapuskan Islam dan pendokongnya. Dalam masa yang sama juga, mereka melihat pintu kebebasan dibuka kepada mereka yang tidak mahu terikat dengan pegangan Islam. Maksiat dibiarkan berleluasa. Sebagai contoh pada malam 5 Jun 1967, para pegawai tentera udara Mesir mengadakan majlis tari-menari dan dihidangkan minuman keras. Majlis itu berlarutan sehingga waktu dinihari. Keesokan harinya mereka dikejutkan dengan serangan jet-jet pejuang Israel yang memusnahkan lapangan terbang dan pesawat-pesawat pejuang mereka (al-Qaradawi 1985, 258). Sementara itu, golongan yang menyeru kepada pelaksanaan Islam dalam kehidupan ditekan, ditindas, dihumban ke dalam penjara dan ada yang dihukum gantung. Dalam suasana yang meruncing ini, lahirlah pemikiran takfir yang mula berkembang dalam penjara dan seterusnya merebak ke dalam masyarakat Mesir (al-Bahansawi 1989, 259).

Pada tahun 1967, pihak berkuasa Mesir melalui unit *Special Branch* meminta semua tahanan supaya menyatakan sokongan mutlak kepada presiden Jamal `Abd Nasir, dengan menganggap beliau adalah khalifah yang adil. Mereka diancam dengan penyiksaan yang lebih dahsyat sekiranya permintaan itu ditolak. Sebahagian daripada mereka menyokong permintaan tersebut agar dikeluarkan dari penjara dan kembali menjalani kehidupan seperti biasa. Kebanyakan tahanan mengambil sikap membisu, tidak menyokong dan tidak menentang kerana mereka menganggap situasi ketika itu ialah situasi paksaan, sementara sebahagian kecil tahanan yang terdiri daripada golongan muda menentang dan mengisytiharkan ketua negara dan kerajaan ketika itu sebagai kafir. Mereka juga menganggap rakyat yang menyokong kerajaan juga murtad. Sesiapa yang tidak mengkafirkan mereka juga dianggap kafir (Surur 1988, 9). Daripada kumpulan ini lahirnya Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah hasil daripada semangat keislaman yang tidak dipandu oleh ilmu yang betul dan petunjuk orang yang lebih tua dan berpengalaman dalam dakwah.

Antara faktor lain yang menyebabkan berkembangnya pemikiran takfir ialah wujudnya perancangan sedunia untuk menghapuskan gerakan al-Ikhwan al-Muslimun yang mempelopori pemikiran Islam sederhana. Keadaan ini mengikut pandangan mereka lebih merbahaya kepada kedudukan politik mereka berbanding dengan pemikiran Islam yang ekstrim (al-Bahansawi 1994, 273). Oleh kerana itu, kumpulan yang membawa aliran takfir dibiarkan bergerak bebas dalam penjara bagi memperluas pengaruh mereka dalam kalangan anggota al-Ikhwan al-Muslimun. Bukan setakat di dalam penjara sahaja mereka diberi kebebasan untuk bergerak, bahkan selepas keluar dari penjara. Mereka bebas bergerak di dalam universiti di Mesir bagi melebarkan pengaruh mereka dalam kalangan mahasiswa. Sebaliknya al-Murshid al-`Am al-Ikhwan al-Muslimun, Umar al-Tilmasani dan pemimpin-pemimpin al-Ikhwan yang lain tidak dibenarkan masuk ke dalam universiti bagi menerangkan ciri-ciri dakwah al-Ikhwan dan menghapuskan salah faham terhadap perjuangan mereka (al-Bahansawi 1989, 263).

### **Tokoh-Tokoh Penting Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah**

Seperti yang telah dinyatakan, kemunculan Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah adalah hasil daripada penyiksaan yang tidak berperikemanusiaan terhadap tahanan politik di Mesir, terutamanya kepada kumpulan-kumpulan Islam, seperti al-Ikhwan al-Muslimun. Pada peringkat permulaan, kumpulan ini dipimpin oleh seorang yang berkelulusan dari Universiti al-Azhar, iaitu Syeikh `Ali Ismail. Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab menyusun prinsip-prinsip *`uzlah* dan takfir dalam pemikiran Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah, dengan tanggapan bahawa ia merupakan prinsip-prinsip syarak yang berdasarkan al-Quran, al-Sunah dan sirah Rasulullah s.a.w.. Prinsip-prinsip tersebut banyak dipengaruhi oleh fahaman Khawarij. Namun begitu, beliau menarik balik segala pandangan dan pendapatnya selepas itu. Perubahan itu berlaku selepas berpuas hati dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh

al-Hudaybi melalui karyanya *Dua`h La Qudah*. Beliau mengisytiharkan keluar dari Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah pada musim panas tahun 1969 selepas selesai mengimamkan solat bersama kumpulannya. Selepas itu, kumpulan tersebut diketuai pula oleh Syukri Ahmad Mustafa (Cable 1988, 83).

Syukri Ahmad Mustafa (Abu Saad) merupakan pemimpin utama kumpulan Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah dalam penjara. Semasa ditangkap oleh kerajaan Jamal Abd Nasir pada tahun 1965, beliau merupakan salah seorang angkatan muda al-Ikhwan al-Muslimun yang dianggotainya ketika berusia 23 tahun di Universiti Assiyut. Beliau ditangkap kerana mendedarkan risalah al-Ikhwan dalam kampus universiti. Sejurus selepas ditangkap beliau dimasukkan ke dalam penjara Turrah dan dipindahkan ke penjara Abu Za`bal. Selama enam tahun beliau meringkuk dalam penjara. Kemudian pada tanggal 16 Oktober 1971, iaitu selepas Jamal Abd Nasir meninggal dunia, beliau dibebaskan. Beliau kembali ke Assiyut dan menamatkan pengajiannya sehingga memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pertanian. Beliau dilantik sebagai Amir Jamaah. Kemudian beliau melantik ketua cawangan di setiap negeri. Mereka menyewa beberapa buah *apartment* sebagai pusat kegiatan di Kaherah, Iskandariah, Giza dan beberapa kawasan di selatan Mesir (Sadik 2004, 296).

Dari aspek akademik, Syukri Mustafa tidak mempunyai latar belakang pengajian agama. Situasi ini menyebabkan beliau bersikap keras, kasar dan taksub. Pada bulan September 1973, beliau mengarahkan pengikutnya keluar ke kawasan pergunungan dan tinggal di gua-gua yang terletak di daerah Abi Qarqus, wilayah al-Miniya. Mereka bertolak ke sana selepas menjual segala harta dan membawa keperluan asas berdasarkan fahaman mereka terhadap konsep hijrah. Pada 23 Oktober 1974, mereka ditangkap oleh pihak keselamatan Mesir, dan dibicarakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri nombor 618, tahun 1974. Selepas perang Oktober pada 21 April 1974, Syukri Mustafa dan pengikutnya mendapat pengampunan daripada Presiden Anwar al-Sadat (1918–1981). Walaupun begitu, beliau kembali bergiat cergas menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan lebih intensif. Beliau bekerja keras untuk menambah bilangan pengikutnya dan menguatkan pergerakan ke seluruh pelosok Mesir. Bahkan beliau juga menghantar pengikut-pengikutnya bekerja di luar negara untuk membiayai segala kegiatan kumpulan mereka. Oleh kerana itu, pemikiran dan kegiatan mereka tersebar luas di beberapa buah negara lain. Beliau memencilkan diri daripada masyarakat umum. Setiap anggota jamaah hanya bergantung kepada pergerakan mereka sahaja. Sesiapa yang didapati menyeleweng akan dihukum. Mereka yang meninggalkan pergerakan dianggap kafir dan dijatuhkan hukuman bunuh, kerana semua masyarakat luar dianggap kafir. Mereka mendapat tentangan yang berterusan daripada pihak keselamatan, terutamanya selepas pembunuhan Syeikh Husayn al-Dhahabi, bekas Menteri Wakaf Mesir. Beratus-ratus anggota ditangkap dan dibicarakan pada tahun 1977. Lima orang kuat mereka dijatuhkan hukuman gantung, termasuk Syukri Mustafa dan Mahir Abdul Aziz Bakri. Pengikut yang lain dihukum penjara. Pada pagi 30 Mac 1978, sewaktu lawatan Presiden Anwar Sadat ke Quds dan Israel, kelima-lima orang tersebut dihukum gantung. Selepas peristiwa tersebut, pergerakan mereka mengambil pendekatan rahsia. Keadaan ini menyebabkan mereka mampu bertahan sehingga sekarang. Namun demikian, kewujudan mereka kurang mendapat sambutan kerana mendapat saingan daripada kumpulan-kumpulan Islam yang berfikir sederhana. Selain itu, maklumat yang diperolehi melalui perbincangan atau perdebatan di dalam dan di luar penjara juga menyebabkan ramai daripada kalangan mereka meninggalkan pemikiran takfir dan bertaubat (Dessouki 1982, 118).

### **Unsur-Unsur Pemikiran Takfir**

Pemikiran Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah berasaskan kepada pendekatan mengkafirkan masyarakat Islam. Hukuman tersebut tidak bersumber kepada dalil yang kukuh dan hujah yang konkrit. Kebanyakan dalil dan hujah berdasarkan kepada pemikiran mereka. Antara pegangan mereka ialah mengkafirkan mereka yang melakukan dosa besar dengan

berterusan dan tidak bertaubat. Dengan itu mereka yang melakukannya layak menerima laknat Allah s.w.t. di dunia dan akhirat. Mereka juga mengkafirkan pemerintah yang tidak melaksanakan hukum-hukum Islam dengan berpegang kepada ayat-ayat dari surah al-Maidah:

﴿٤٤﴾ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

Maksudnya:

Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir.

(al-Maidah: 44)

﴿٤٥﴾ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya:

Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang zalim.

(al-Maidah: 45)

﴿٤٧﴾ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya:

Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.

(al-Maidah: 47)

Mengikut pandangan mereka, pemerintah umat Islam hari ini layak dilabelkan dengan tiga sifat tersebut, iaitu kafir, zalim dan fasik kerana tidak melaksanakan hukum-hukum Allah s.w.t. ('Umar `Abd `Aziz Quraisyi 1991, 110). Mereka bukan sahaja mengkafirkan pemerintah, bahkan juga mengkafirkan rakyat kerana reda dan mengikut telunjuk pemerintah. Mereka tidak berusaha untuk mengubah pemerintahan dengan cara bergabung dengan kumpulan yang mendokong Islam yang sah dan bekerja ke arah pelaksanaan Islam. Dalil yang dipegang berdasarkan firman Allah s.w.t.:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

Maksudnya:

Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

(al-Nisa': 65)

Oleh kerana itu, mereka menganggap masyarakat Mesir adalah masyarakat jahiliah. Mereka wajib dihapuskan dan digantikan dengan sebuah masyarakat Islam (Esposito 1991, 217). Para ulama juga tidak terlepas daripada hukuman kafir yang dilakukan oleh mereka kerana ulama tidak mengkafirkan pihak pemerintah. Mereka turut mengkafirkan orang yang tidak bersetuju dengan pemikiran mereka atau tidak bersama-sama dengan mereka. Jika terdapat pengikut yang meninggalkan kumpulan hukumnya murtad dan halal

darah. Kumpulan berkenaan juga mengkafirkan individu yang menerima pakai pendapat ulama, ijmak, *qias*, *masalih mursalah* dan *istihsan* dan umat Islam yang hidup selepas kurun keempat hijrah, kerana dia telah dianggap sebagai mengagungkan berhala taklid yang disembah selain Allah s.w.t.. Umat Islam wajib mengetahui hukum hakam dengan dalilnya dan tidak harus bertaklid dalam semua perkara yang berkaitan dengan agama.

Hijrah merupakan unsur kedua terpenting dalam pemikiran jamaah. Hijrah bermaksud `uzlah (memencilkan diri) daripada masyarakat jahiliah. Masyarakat sekarang dianggap masyarakat jahiliah. `Uzlah yang dimaksudkan di sini ialah `uzlah tempat tinggal dan jiwa. Dengan melakukan penghijrahan ini, mereka dapat hidup dalam suasana keislaman yang sebenar sebagaimana hidupnya Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya di peringat zaman Mekah. Mereka juga tidak menerima pendapat ulama, kitab-kitab muktabar seperti tafsir, akidah dan lain-lain lagi, kerana ulama-ulama besar dahulu dan sekarang telah murtad keluar dari Islam. Justeru, mereka hanya menerima al-Quran dan al-hadith sebagai hujah dan dalil. Walau bagaimanapun, mereka mentafsirkan al-Quran mengikut tafsiran mereka sendiri dan tidak merujuk kepada pandangan ulama-ulama yang muktabar.

Berkenaan dengan solat berjamaah di masjid pula, golongan ini berpendapat tidak perlu solat Jumaat dan berjamaah di masjid kerana semua masjid adalah masjid *dirar*. Imamnya kafir, kecuali empat masjid, iaitu Masjid Haram, Masjid Nabawi, Masjid Quba dan Masjid al-Aqsa. Namun begitu mereka tidak menunaikan solat kecuali berimamkan imam dari kalangan mereka sahaja. Di samping itu, mereka mendakwa ketua mereka Syukri Mustafa adalah Imam Mahdi. Allah s.w.t. akan memberi pertolongan dan kemenangan yang tidak pernah dianugerahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. (Surur 1988, 216).

Mengucap dua kalimah syahadah bukan minimum Islam seperti pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah yang menyatakan bahawa mengucap dua kalimah syahadah adalah syarat sah keislaman. Amalan merupakan pelengkap kepada iman tetapi bukan syarat kepada iman. Sebaliknya, kumpulan ini berpendapat had minimum Islam ialah melaksanakan kewajipan yang difardukan Allah s.w.t.. Apabila seorang muslim tidak melaksanakan kewajipan tersebut, maka tidak dikira sebagai seorang muslim kerana amal yang menjadi syarat iman tidak sempurna (Quraisyi 1991, 72).

Menurut pandangan Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah lagi, iman itu merangkumi pengucapan dan amalan. Pentafsiran mereka terhadap amalan itu ditambah lagi dengan menganggotai jemaah dan menyeru kepada prinsip hakimiyah, iaitu mengembalikan hak menentukan hukum-hakam kepada Allah s.w.t.. Mereka yang tidak melakukannya dianggap kufur. Sebaliknya mereka yang menganuti fahaman ini kemudian meninggalkan solat, zakat, haji atau melakukan maksiat tidak terkeluar pula daripada iman (al-Bahansawi 1994, 39).

## Kesimpulan

Kemunculan pemikiran takfir yang dipelopori oleh Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah berkait rapat dengan penyeksaan yang tidak berperikemanusiaan terhadap kumpulan-kumpulan Islam yang tidak sehaluan dengan pemerintah Mesir ketika itu. Tokoh utama pergerakan ini ialah Syukri Ahmad Mustafa yang mendalami ilmu-ilmu Islam melalui pembacaan sendiri tanpa pedoman dan tunjuk ajar ulama yang berwibawa. Secara umumnya pendekatan Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah dalam permasalahan takfir boleh dirumuskan kepada beberapa perkara, iaitu mereka mengkafirkan semua umat Islam yang tidak bersama-sama dengan mereka untuk menegakkan Dawlah Islamiyyah, termasuk pemimpin, ulama dan masyarakat awam. Mereka juga mengkafirkan pihak pemerintah umat Islam kerana tidak melaksanakan hukum-hukum Islam. Hukuman kufur yang dijatuhkan oleh mereka menyebabkan mereka menghalalkan darah individu yang keluar daripada kumpulan mereka kerana dianggap telah kembali murtad.

## Rujukan

- Ali E. Hillal Dessouki. 1982. *Islamic Resurgence in the Arab World*. New York: Praeger Publisher.
- Barry Rubin. 1990. *Islamic Fundamentalism in Egyptian Politics*. Great Britain: Macmillan.
- Geels Cable. 1988. *al-Tatarruf al-Dini fi Misr al-Fir'awn wa al-Nabiy*. Terj. Ahmad Khidir. Kaherah: Maktabah Madbuli.
- Hasan Sadiq. 2004. *Juzur al-Fitnah fi al-Firaq al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Madbuli.
- John L. Esposito. 1991. *Islam Politics*. Syracus: Syracus University Press.
- Lutpi Ibrahim. 1982. *Imam Ghazali: Penyelesaian Masalah Kafir-mengkafir*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Muhammad Surur Ibn Nayip Zayn `Abidin. 1988. *al-Hukm Bighayr ma Anzala Allah wa Ahl al-Ghuluw*. Birmingham: Dar al-Arqam.
- Muhammad `Abd al-Hakim Hamid. 2006. *A'immah al-Takfir*. Kaherah: Dar al-Faruq.
- Mohamad Abu Bakar, t.th. Islam dan aspirasi kebangsaan dalam masyarakat Melayu masa kini. Dlm. Khoo Kay Kim *et al.* (Pnyt.), *Malaysia Masa Kini*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Persatuan Kadi-Kadi Negeri Kelantan. 1981. *Fitnah Kafir-Mengkafir Sesama Islam*. Kota Bharu: t.pt.
- Salim al-Bahansawi. 1994. *al-Hukm wa Qadiyyah Takfir al-Muslim*. Kaherah: Dar Wafa'.
- \_\_\_\_\_. 1989. *Syubahat hawla al-Fikri al-Islami al-Mua`sir*. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- \_\_\_\_\_. 1995. Fikr al-takfir al-nash'ah wa kayfiyyah al-`ilaj. Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam Semasa di Kuwait, 1987.
- `Umar `Abd `Aziz Qurayshi. 1991. *Shubahat al-Takfir*. Kaherah: Maktabah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah.
- Yusuf al-Qaradawi. 1985. *al-Hulul al-Mustawradah*. Beirut: Muasassah al-Risalah.

## Temubual

- Abdul Hadi Awang. 2009. Temu bual, 27 Februari. Marang.

---

RAZALI MUSA, Ph.D  
Falkulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: murazali@udm.edu.my

SYED HADZRULLATHFI SYED OMAR, Ph.D  
Falkulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: sylutfi@udm.edu.my

ENGKU IBRAHIM ENGKU WOK ZIN  
Falkulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: ibrahim@udm.edu.my